

Penduduk minta selesai isu tanah, birokrasi petrol bersubsidi

Ahli Parlimen Langkawi baharu nanti diharap dapat atasi masalah dihadapi

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Isu hak milik tanah dan kerentah birokrasi dalam urusan pembelian petrol bersubsidi untuk nelayan diharap dapat diselesaikan oleh wakil rakyat yang bakal dipilih pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) nanti.

Isu pemilikan tanah membabitkan kawasan diusahakan penduduk di Kampung Kisap yang tertangguh sekian lama.

Penduduk, Kamariah Osman, 58, berharap Ahli Parlimen Langkawi yang diberi mandat pada 19 November ini memberi perhatian kepada isu berkenaan.

Katanya, tanah di Kampung Ki-



Penduduk Langkawi mahu isu hak milik tanah dan birokrasi petrol bersubsidi diselesaikan.

(Foto hiasan)

sap itu diusahakannya bersama 19 rakan lain sekian lama, namun hak pemilikannya masih belum dapat diselesaikan sehingga kini.

“Sudah lama kami usahakan tanah bukit ini, tapi sehingga kini belum dapat kelulusan pihak berkuasa. Urusan pemilikan tertangguh lama dan kami merayu perkara ini dapat diselesaikan.

“Kalau perkara ini tidak diselesaikan, kami bimbang masa-

lah menjadi lebih rumit untuk generasi akan datang,” katanya pada Majlis Sembang Santai Masyarakat Taman Nilam, di sini, malam kelmarin.

Kerentah birokrasi

Sementara itu, penduduk Taman Nilam yang juga nelayan pantai, Abdul Rahman Hamzah, 54, meminta kerentah birokrasi pembelian petrol bersubsidi untuk golongan nelayan di Langkawi diselesaikan.

“Ketika ini banyak sangat kerentah birokrasi ketika mahu membeli petrol bersubsidi di stesen minyak. Kami berharap ia dapat dipermudahkan kerana bahan api ini penting untuk kami mencari rezeki di laut,” kata-

Pada PRU15, kerusi Parlimen Langkawi yang disandang Tun Dr Mahathir Mohamad menyaksikan pertembungan lima penjurur.

Dr Mahathir mewakili Parti



Pejuang Tanah Air (PEJUANG) dicabar calon Barisan Nasional (BN), Datuk Armishah Siraj; wakil Perikatan Nasional (PN), Datuk Mohd Suhaimi Abdullah; calon Pakatan Harapan (PH), Zabidi Yahya dan calon Bebas, Datuk Paduka Abdul Kadir Sainudin.

Berdasarkan daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), seramai 66,777 pengundi layak mengundi di Parlimen Langkawi pada PRU15.

Pada PRU14, Dr Mahathir memperoleh 18,954 undi menewaskan Datuk Nawawi Ahmad daripada BN dan calon PAS, Zubir Ahmad.